



Headline: Jurujual rugi RM16,500 ditipu 'pegawai bank' Language: Malay
dari Kuala Lumpur

Publication/Portal: Harian Metro
Date: 3 July 2022

Section: Lokal
Page: 21

Jurujual rugi RM16,500 ditipu 'pegawai bank' dari Kuala Lumpur

Teluk Intan: Seorang jurujual pakaian kerugian RM16,500 diperdaya sindiket Macau Scam selepas didakwa mempunyai tunggakan kad kredit dan terbabit penggubahan wang haram.

Ketua Polis Daerah Hilir Perak Asisten Komisioner Ahmad Adnan Basri berkata, wanita berusia 31 tahun itu ditipu selepas menerima panggilan telefon daripada individu tidak dikenali mendakwa dari sebuah bank di Kuala Lumpur, kelmarin.

Menurutnya, individu berkenaan mendakwa mangsa mempunyai tunggakan bayaran bulanan kad kredit bank berkenaan sebelum dia menafikannya.

"Talian kemudiannya disambungkan kepada pihak didakwa Bank Negara Malaysia (BNM) dan memberitahu kononnya mangsa terbabit dengan

jenayah penggubahan wang haram.

"Mangsa menyerahkan butiran perbankan atas taliannya kepada pihak terbabit dengan alasan untuk memudahkan seliaan dan pemantauan BNM," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan, semalam.

Ahmad Adnan berkata, mangsa hanya menyedari dirinya ditipu selepas wang simpanan dalam akaunnya dipindahkan secara berperingkat membabitkan tiga transaksi ke dalam akaun bank lain.

"Keseluruhan tiga transaksi membabitkan jumlah RM16,500 dan ia adalah wang simpanan mangsa bekerja selama ini.

"Mangsa kemudiannya membuat laporan polis jam 2.50 petang kelmarin dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Kesykaan," katanya.